



## KENYATAAN/SIARAN AKHBAR

### MAJLIS PELEPASAN IKAN PERTANDINGAN MEMANCING SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2010

Putrajaya – Sisiran Presint 1 menggamit kaki pancing sekali lagi untuk menyertai Pertandingan Memancing yang menawarkan hadiah menarik bagi cabutan bertuah berupa sebuah motosikal Modenas Kriss dan 2 buah TV Panasonic 32 inci.

Sebagai simbolik kepada penganjuran pertandingan memancing tersebut, Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Samsudin Osman akan melepaskan beberapa ekor ikan ke dalam Tasik Putrajaya pada 4 Februari 2010.

Antara ikan yang akan dilepaskan adalah ikan kerai, ikan tenggalan, ikan kelah dan ikan patin. Pertandingan Memancing yang akan diadakan sebagai salah satu pengisian aktiviti bersempena dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2010 pada 7 Februari ini (Ahad) dijangka akan menarik minat lebih kurang 1,000 orang kaki pancing dari seluruh negara.

Pertandingan berdasarkan konsep "tangkap dan lepas" akan diteruskan untuk tahun ini selaras dengan hasrat Perbadanan Putrajaya untuk mengekalkan keseimbangan populasi ikan di Tasik Putrajaya. Pertandingan ini turut mengguna pakai sistem mata mengikut spesies ikan yang ditangkap.

Pemenang pertama akan membawa pulang hadiah RM5,000, kedua RM3,000 dan ketiga RM2,000. Hadiah sagu hati sebanyak RM200 bagi pemenang tempat ke 4 hingga ke 13 turut disediakan manakala pemenang tempat ke 14 – 20 akan menerima hadiah berupa *hamper*. Sementara itu, pemancing yang berjaya memancing ikan yang ditandakan oleh pihak penganjur akan mendapat hadiah istimewa.

Perbadanan Putrajaya turut menyediakan pelbagai aktiviti sampingan seperti Pertandingan Memasak, Mewarna dan pertunjukan badut dengan hadiah-hadiah menarik untuk dimenangi. Untuk maklumat lanjut sila hubungi urusetia (Nasri 03-88877345).

Untuk keterangan lanjut, layari laman web Perbadanan Putrajaya menerusi [www.ppj.gov.my](http://www.ppj.gov.my)



**( ZAHARAH SALAMAT )**

**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 03 Februari 2010

---

Disediakan oleh Bahagian Perhubungan Awam untuk PERBADANAN PUTRAJAYA  
- Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8887 5013